

NO. SOALAN : 43

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI  
[KUALA KRAI]**

**TARIKH : 19 MAC 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah status draf Akta Guaman Syarie yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri pada 1 Julai 2011 untuk disegerakan dan draf tersebut telah pun disediakan oleh Persatuan Peguam Syarie Malaysia.**

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Salah satu agenda Kerajaan bagi memartabatkan kedudukan profesi kepeguaman Syarie dan Mahkamah Syariah dalam arus sistem perundangan dan kehakiman di Malaysia adalah melalui penggubalan Akta Profesional Guaman Syarie.

Kerajaan telah menggubal model draf Rang Undang-Undang Profesional Guaman Syarie untuk digunakan di negeri-negeri. Bagi tujuan memantapkan draf ini, Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan Persatuan Peguam Syarie Malaysia bagi memastikan draf yang lebih komprehensif dapat diwujudkan dengan mengambil kira pandangan semua pihak.

Memandangkan terdapat pandangan agar undang-undang ini hanya diwujudkan di peringkat Persekutuan, maka konsep asas bagi pewujudan undang-undang tersebut kini sedang diteliti bagi memastikan undang-undang yang akan digubal nanti akan mematuhi jadual pembahagian bidang kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Pihak Berkuasa Agama Negeri-Negeri.

Sekian, terima kasih.